

Festival KERONCONG MAKUM

**2011 Anjuran UTHM
Dan Yayasan Warisan Johor**

Oleh: En. Hermi Izwandi Sahimi

Tanggal 25 hingga 27 Februari 2011, Universiti Malaysia Perlis telah menyertai Festival Keroncong MAKUM 2011 anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor bertempat di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Festival yang diadakan setiap tahun dalam kalendar MAKUM ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar IPTA supaya mencintai dan menghayati irama tradisi dan menyemai semangat Kebudayaan Kebangsaan. Sebanyak 2 kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Solo dan Berkumpulan.

Bagi Kategori Berkumpulan, Universiti Malaysia Perlis telah berjaya merangkul tempat ke-3 dengan menyampaikan 2 buah lagu iaitu Keroncong Dewi Murni dan sebuah lagu lama ciptaan Harry Tasman dendangan penyanyi tersohor Indonesia, Broery Marantika yang digubah semula dalam bentuk atau keroncong iaitu Biarlah Bulan Berbicara.

Tempat kedua pula disandang oleh Universiti Perguruan Sultan Idris dengan lagu yang bertajuk Keroncong Moresko & Kau Pergi. Johan Festival Keroncong MAKUM 2011 jatuh kepada Kumpulan Keroncong Senandung Rindu dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan dua buah lagu yang bertajuk Keroncong Rindu Malam dan Dalam Gerimis.

Sesi penyampaian hadiah & sijil penyertaan kepada pemenang dan para peserta telah disampaikan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan diserikan dengan persembahan lagu-lagu keroncong daripada para pemenang.

Diharapkan semoga penganjuran bengkel kesenian seperti ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang demi untuk memelihara dan memartabatkan kesenian Malaysia di mata dunia.

